

Misi mencari MH370: Kenapa OIC membisu, tanya Ibrahim Ali

Free Malaysia Today

27 March 2014

Oleh Adam Abu Bakar

PETALING JAYA: Perkasa hairan kenapa rakan-rakan Malaysia yang seagama terutama dari negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) langsung tidak membantu dalam misi mencari pesawat MH370 yang hilang.

Menurut Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali, adakah mereka langsung tidak terpanggil dan menunjukkan rasa simpati mereka di atas tragedi yang sukar ini.

“Apakah persahabatan di antara negara-negara Islam ini hanya terjalin sekiranya mereka dilanda musibah?” soal beliau, melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada FMT.

Katanya, semua ahli Perkasa di seluruh negara mengucapkan jutaan terima kasih kepada 26 buah negara yang terlibat dalam menghulurkan bantuan bagi operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dalam misi pesawat MAS penerbangan MH370 yang hilang.

Beliau yang juga bekas ahli parlimen Pasir Mas merasa terharu di atas ucapan takziah yang diterimanya daripada pelbagai negara.

Ibrahim juga turut terharu, bangga dan teruja dengan kesungguhan kerajaan dalam menangani insiden yang luar biasa ini.

“Kehilangan pesawat MAS MH370 ini adalah insiden yang luar biasa berlaku dalam sejarah penerbangan di dunia.

Beliau turut menambah, berbagai-bagai bencana telah berlaku sebelum ini di pelbagai negara yang turut mengorbankan ribuan nyawa seperti bencana tsunami, gempa bumi, ribut taufan, letusan gunung berapi, kereta api tergelincir, letupan bom, dan juga serangan keganasan daripada pengganas.

“Saya berdoa dan berharap, kepada seluruh anggota keluarga mangsa yang terlibat, dapat bersabar,

Katanya, anggaplah bahawa apa yang berlaku ini adalah ujian daripada Yang Maha Esa,

“Setiap ujian itu ada hikmahnya yang tersendiri dan marilah kita bersama-sama mendoakan agar mereka dirahmati Allah SWT,” Ujarnya.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/27/mh370-kenapa-oic-membisu-tanya-ibrahim-ali/>